



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PENYERTAAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR KE 15TH APEC ENERGY MINISTERIAL MEETING, 16TH CLEAN ENERGY MINISTERIAL AND 10TH MISSION INNOVATION DI BUSAN, REPUBLIK KOREA

BUSAN, 24 OGOS 2025 – YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga APEC (APEC EMM15) yang berlangsung pada 27–28 Ogos 2025 di Busan, Republik Korea.

Mesyuarat ini merupakan platform utama peringkat Menteri Tenaga di bawah APEC untuk membincangkan dasar, strategi serta kerjasama dalam bidang tenaga. Lebih 100 peserta terdiri daripada Menteri Tenaga, pegawai kanan kerajaan dan pemimpin industri tenaga dari seluruh ekonomi APEC dijangka menghadiri mesyuarat tersebut.

Tema APEC Energy pada tahun ini, “**Accelerating Sustainable, Affordable, Reliable, Secure and Innovative Energy for a Prosperous Future**” akan memacu perbincangan semasa mesyuarat kali ini dan hasil

mesyuarat akan dimuktamadkan melalui satu **Kenyataan Bersama Menteri-menteri Tenaga APEC (Joint Ministerial Statement – JMS)**.

Dalam mesyuarat ini, YAB Timbalan Perdana Menteri akan mengetengahkan aspirasi Malaysia untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca sifar bersih menjelang 2050 melalui pelaksanaan **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR)** dan **Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030**. Penyertaan ini juga akan memperkukuh imej Malaysia sebagai rakan strategik serantau dalam kerjasama tenaga dan destinasi pelaburan hijau yang bersih, mampan serta bernilai tinggi

Selain menghadiri APEC EMM15, YAB Timbalan Perdana Menteri turut dijadualkan menyertai **dialog meja bulat** semasa **16th Clean Energy Ministerial (CEM16)**, **10th Mission Innovation Ministerial (MI-10)** dan **2025 World Climate Industry EXPO (WCE)**.

Selain itu, YAB Timbalan Perdana Menteri turut dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawat dari ekonomi APEC seperti Republik Korea, Hong Kong China, New Zealand dan Brunei Darussalam bagi memperluas jaringan kerjasama dalam bidang tenaga, khususnya yang menyokong agenda peralihan tenaga negara.

Dalam rangka lawatan rasmi ke Republik Korea, YAB Timbalan Perdana Menteri juga akan mengadakan lawatan kerja ke **Korea Hydro and Nuclear Power (KHNP) – Saeul Nuclear Power Plant** dan **Doosan Enerbility** bagi meneroka peluang kerjasama dua hala dalam aspek latihan, pemindahan teknologi serta pendedahan teknikal berkaitan operasi loji jana kuasa tenaga nuklear. Lawatan rasmi ini diakhiri dengan

kunjungan ke **Gangbyeon Wastewater Treatment Plant** sebuah fasiliti rawatan air kumbahan di Busan.

Penyertaan Malaysia dalam APEC EMM15 ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan negara dalam kerjasama tenaga serantau, malah sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan prinsip kelestarian, kesejahteraan serta inovasi bagi menjamin masa depan tenaga yang mampan, inklusif dan berdaya tahan untuk rakyat dan negara.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
24 OGOS 2025**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA



ASEAN
MIND AND SPIRIT